

RM10.8 Juta dari akaun Najib

Oleh **SUWARNI MOKHTAR dan HANIZA HASSAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 18 APRIL**

SEORANG pegawai Ambank Berhad memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa terdapat 15 keping cek telah dikeluarkan daripada akaun bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berjumlah hampir RM10.8 juta untuk pembayaran kepada beberapa individu dan syarikat antara Disember 2014 hingga Februari 2015.

Pengurus Kanan Pusat Pemprosesan Cek Ambank, Badrul Hisam Mohamad bagaimanapun berkata, terdapat kesilapan pada pembayaran bagi cek berjumlah RM3.5 juta kepada firma guaman, Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak menyebabkan pembayaran tersebut terpaksa dibuat melalui Sistem Peminindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Rentas).

Badrul Hisam yang telah be-



NAJIB TUN RAZAK melayani perminfaan seorang lelaki untuk bergambar ketika menjamu selera di Medan Selera Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

kerja selama 20 tahun di bank berkenaan memberi keterangan itu sewaktu pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi pada perbicaraan kes Najib yang didakwa atas tujuh

pertuduhan salah guna jawatan, pecah amanah dan menerima hasil aktiviti haram berjumlah RM42 juta membabitkan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd. (SRC International).

Selain cek-cek tersebut, saksi

berkenaan turut memberitahu terdapat sekeping cek berjumlah RM20 juta dikeluarkan oleh SRC International untuk dibayar kepada Ihsan Perdana Sdn. Bhd. (Ihsan Perdana) pada 12 Disember 2014.

Terdapat satu lagi cek pembayaran kepada Ihsan Perdana berjumlah RM3.5 juta yang dibuat pada 9 Mac 2015 namun akaun pembayar tidak dinyatakan pada prosiding hari ini.

Selain itu, terdapat pembayaran kepada Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang sebanyak RM1 juta, UMNO Bahagian Johor Bharu RM300,000 dan parti dari Sabah, UPKO juga menerima pembayaran melalui cek bernilai RM1 juta.

Sementara itu, Hakim Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali membenarkan permohonan pihak pembelaan untuk mendapatkan laporan pengesahan bagi memastikan kesemua cek yang dikemukakan sebagai bukti hari ini benar-benar telah ditunai-